

Kes Umno Kubang Pasu dibincang esok

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Lembaga Disiplin Umno akan bersidang esok untuk menyiasat dakwaan salah laku ketika pemilihan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu pada 9 September lalu.

Sumber berkata, pengadu akan dipanggil memberi kenyataan dalam proses siasatan yang akan dijalankan di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn di sini.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga

Disiplin Umno, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail ketika dihubungi enggan mengulas ketika ditanya mengenai tarikh lembaga itu akan bermesyuarat.

"Saya tak dapat beritahu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan bahawa Lembaga Disiplin akan melakukan siasatan secara mendalam dengan meneliti semua sudut.

Pada 29 September lalu, lima ahli Bahagian Kubang Pasu mem-

buat aduan kepada Ibu pejabat Umno di sini mendakwa berlaku salah laku ketika pemilihan perwakilan bahagian itu, 9 September lalu.

Pada pemilihan itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tewas untuk menjadi perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno, November ini.

Pada 11 September lalu, Dr Mahathir mendakwa kekealahannya itu berpunca daripada rasuah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ab-

dullah Ahmad Badawi menyifatkan dakwaan Dr Mahathir itu sebagai tuduhan yang amat berat dan meminta Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ketua Umno bahagian berkenaan, Datuk Mohd Johari Baharom menyiasat.

Bagaimanapun semua pengadu terbabit tidak mengemukakan laporan kepada Mahdzir dan Mohd Johari, sebaliknya berbuat demikian secara terus kepada Ibu Pejabat Umno.